21.	Azizah Binti Onn	AJK Kecil Biro Keahlian
22.	Rasdi Bin Ali Napiah	
23.	Norfashiha Binti Mohd Afendi	
24.	Ruheila Afzan binti Musa	AJK Kecil Wakil Zon Tengah
25.	Sivanesan N Ragayan	
26.	Mahinder Singh A/I Joginder Singh	
27.	Fakhariyah Najwa binti Daud	
28.	Muhammad Iqmal bin A Manap	
29.	Nurshahira Natasha binti Pawira	

JURUAUDIT PSA BAGI PENYATA KEWANGAN TAHUN 2023

**ALIFF HAIKAL BIN KAMARUDDIN
BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PERSEKUTUAN & AGENSI**

BANK UTAMA PSA



PEJABAT BERDAFTAR

**d/a Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1 Persiaran Perdana
Presint 2
62594 PUTRAJAYA
Email: councilpsa@anm.gov.my**

MESYUARAT AHLI MAJLIS 2022/2023

Bagi tempoh 01 Oktober 2023 hingga 31 Ogos 2024, sebanyak dua (2) kali Mesyuarat Ahli Majlis telah diadakan iaitu pada tarikh-tarikh seperti berikut:

Mesyuarat Bilangan 1/2024	-	4 hingga 6 Februari 2024
Mesyuarat Bilangan 2/2024	-	23 hingga 25 Ogos 2024
Mesyuarat Bilangan 3/2024	-	Belum dilaksanakan lagi
Mesyuarat Bilangan 4/2024	-	Belum dilaksanakan lagi

Kehadiran ke mesyuarat Majlis PSA sepanjang tempoh tersebut seperti berikut:

AHLI MAJLIS		KEHADIRAN
1.	Tn. Hj. Ayub Bin Zaidin	2/2
2.	Pn. Murniyati Binti Ramli	2/2
3.	En. Mohd Azizi Bin Mohd Aspar	2/2
4.	En. Hifzul Hafiz Bin Amran	1/2
5.	Pn. Syalinna Majid	2/2
6.	Pn. Rasifah Binti Ibrahim	2/2
7.	En. Mohd Nazi Mat Yusoff	2/2
8.	Dr Shukri Bin Abd Ghani	2/2
9.	Pn. Rohanis binti Omar	2/2
10.	Pn. Roziwaty Binti Junaidi	2/2
11.	En. Maulud Bin Sukaimi	2/2
12.	En. Patrick Majatig	2/2
13.	Pn. Noorifaida Binti Subehi	2/2
14.	Pn. Ng Peik See	2/2
15.	En. Zainuddin Bin Abd Manaf	2/2
16.	Pn. Ruzinah binti Rukun	1/2
17.	En. Amran Bin Abd Ghani	2/2
18.	En. Mazlan Bin Muda	2/2
19.	En. Mohd Asri Bin Yusof	0/2
20.	Tn. Hj. Mohd Nizam bin Mahayuddin	1/2

LAPORAN KEAHLIAN PSA 2023/2024

a) Bilangan Keahlian PSA

Sehingga 31 Ogos 2024, keahlian PSA yang aktif adalah seramai 1,302 orang.

b) Komposisi Keahlian PSA

AGENSI	2020/2021	2021/2022	2022/2023	2023/2024
<i>Ibu Pejabat JANM</i>	232	282	239	329
<i>JANM Negeri/Cawangan</i>	102	182	198	201
<i>Kementerian</i>	479	470	517	513
<i>Agensi Kerajaan Negeri</i>	26	33	33	40
<i>Badan Berkanun Persekutuan</i>	90	84	101	118
<i>Badan Berkanun Negeri</i>	32	41	49	61
<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>	19	26	31	40
Jumlah	980	1,124	1,168	1,302

LAPORAN AKTIVITI TAHUN 2023 PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)

1. AKTIVITI PROMOSI BIRO KOMUNIKASI PSA MALAYSIA TAHUN 2023

PSA telah meningkatkan usaha dan komited dalam mempromosikan PSA kepada Akauntan sektor awam serta menyalurkan maklumat persatuan dengan imej yang lebih manpan, terkini serta professional. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah langganan platform Airmeet, penerbitan poster siaran dan multimedia, Facebook PSA, Youtube PSA Instagram PSA serta yang terkini adalah Telegram PSA.

2. TAKLIMAT KEPADA AKAUNTAN YANG BAHARU LAPOR DIRI DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Biro Komunikasi bertanggungjawab untuk memberi taklimat mengenai PSA Malaysia kepada akauntan-akauntan yang baru melapor diri di Jabatan Akauntan Negara Malaysia semasa sesi induksi pegawai.

3. KOLABORASI BERSAMA JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA UNTUK SAGA AGENCY GOVERNMENT CONFERENCE 2023

Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA Malaysia) dengan kerjasama Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menganjurkan SAGA Government Agencies Conference 2023 (SeGAC 2023) bertemakan objektif SAGA iaitu “Digital Intelligence & Innovations: Engender Sustainable Value Creation”. Persidangan yang telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia telah berjaya menarik seramai 497 delegasi. Sebanyak 6 sesi telah dibentangkan dengan topik-topik yang menarik oleh 10 orang penceramah jemputan serta 3 moderator telah berkongsi ilmu dan pengalaman. Biro Komunikasi telah membantu dalam mempromosikan persidangan ini dan membuat hebahan di portal rasmi dan media sosial PSA.

4. PROGRAM JALINAN MESRA PSA

Sempena kehadiran ahli PSA Zon Sabah dari luar Kota Kinabalu untuk Mesyuarat Pelarasan Zon Sabah dan Sukan JANM Zon Sabah, Program Jalinan Mesra PSA telah diadakan pada 19 Februari 2023 di Bilik Rekreasi, Tingkat 6, JANM Negeri Sabah. Jemputan juga telah dipanjangkan kepada ahli PSA dari Jabatan luar di sekitar Kota Kinabalu. Acara karom dan dart telah dipilih untuk diadakan sebagai sukan yang dipertandingkan di program ini.

5. MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK-ANAK YATIM PUSAT JAGAAN AL-YAKIN, SANDAKAN

Program Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim Pusat Jagaan Al-Yakin, Sandakan telah diadakan pada 31 Mac 2023 (Jumaat) bertempat di The Square Event Space Sandakan, Blok B, Lot 1, Bandar Labuk Square, Mile 9, Sandakan, Sabah. Program ini diadakan bertujuan untuk menyantuni anak-anak yatim di bulan Ramadhan yang mulia dan juga untuk memupuk ukhuwwah islamiah dikalangan ahli PSA Zon Sabah. Program ini juga merupakan kolaborasi bersama dengan Kelab Sukan & Kebajikan (KESAN) JANM Cawangan Sandakan yang merupakan urusetia bagi pelaksanaan majlis ini.

6. TAKLIMAT KESEDARAN KEPENTINGAN PENGURUSAN CUKAI KEPADA PEMBAYAR

Taklimat Kesedaran Kepentingan Pengurusan Cukai Kepada Pembayar Individu telah diadakan dengan kerjasama Unit Gaji, JANM Negeri Sabah dan Unit Pendidikan Cukai, Lembaga Hasil Dalam Negara (LHDN) Kota Kinabalu pada 5 April 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat JANM Negeri Sabah dan secara atas talian. Sasaran taklimat berkenaan adalah kepada pegawai di JANM Negeri Sabah. Melalui taklimat berkenaan, pegawai menyedari betapa pentingnya pengurusan cukai yang teratur. Sebarang pertanyaan mengenai cukai dari pegawai juga telah bejaya dijawab dengan baik oleh pihak LHDN.

7. LAWATAN KERJAYA HALATUJU BIDANG PERAKAUNAN KEPADA PELAJAR MRSM KOTA KINABALU

Lawatan Kerjaya Halatuju Bidang Perakaunan telah diadakan atas permintaan Maktab Rendah Sains Mara Kota Kinabalu pada 25 Mei 2023 dengan kerjasama JANM Negeri Sabah. Seramai 30 orang pelajar termasuk guru hadir pada Lawatan Kerjaya berkenaan. Program berkenaan juga melibatkan semua ahli PSA di JANM Negeri Sabah bagi memberi pandangan untuk bidang perakaunan. Diharapkan program berkenaan dapat memberi manfaat yang baik kepada peserta rombongan. Setiap peserta dapat berinteraksi dengan ahli PSA dan mendapat gambaran bagi meneruskan pilihan kerjaya dalam bidang perakaunan.

8. PROGRAM DERMA DARAH SIRI 2

Oleh kerana sambutan menggalakkan pada Program Derma Darah sebelum ini, satu lagi Program Derma Darah telah diadakan di JANM Negeri Sabah pada 9 Jun 2023. Program tersebut dianjurkan bersama oleh PSA Malaysia Zon Sabah, KKDS JANM Negeri Sabah, Unit Transfusi Darah HQE 2, Pertubuhan Komuniti Penderma Darah Malaysia, Sabah Thalassaemia Society, Pertubuhan Komuniti Penderma Darah Malaysia dan Bank Rakyat Likas. Program ini juga berbesar hati telah dirasmikan oleh mantan Akauntan Negara Malaysia, Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa.

9. PROGRAM “GROOM, BOOM YOUR IMAGE” BERSAMA YANG BERBAHAGIA DATUK WIRA HAJJAH RADHUANA SALLEH, KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PUTRA SPECIALIST HOSPITAL MELAKA SDN BHD

Program “Groom, Boom Your Image” bersama Yang Berbahagia Datuk Wira Hajjah Radhuana Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Putra Specialist Hospital Melaka Sdn Bhd telah diadakan di Grand Hibiscus Ballroom, Hotel Swiss Garden, Melaka pada 26 Mei 2023. Program ini adalah anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan (KESAN) Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Melaka bersama Persatuan Akauntan Sektor Awam (PSA) Malaysia. Program ini disertai oleh pegawai dari JANM Negeri Johor dan JANM Negeri Sembilan, Pusat Tanggungjawab, Agensi, Bank serta Badan Berkanun Kerajaan di sekitar Negeri Melaka. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Pengarah JANM Negeri Melaka iaitu Puan Shabibah binti Bachok.

10. PROGRAM PERTANDINGAN BOLING PIALA PENGARAH JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI MELAKA BAGI TAHUN 2023

Kejohanan Boling Piala Pengarah Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Melaka telah dilaksanakan penganjurannya buat kali kedua yang telah diadakan pada 10 Jun 2023 di Melaka International Bowling Centre (MIBC) Melaka. Program ini adalah anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan (KESAN) Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Melaka bersama Persatuan Akauntan Sektor Awam (PSA) Malaysia Zon Selatan dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLIBB). Program ini disertai oleh pegawai dari JANM Negeri Johor dan JANM Negeri Sembilan, Pusat Tanggungjawab, Agensi, Bank serta Badan Berkanun Kerajaan di sekitar Negeri Melaka. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Exco Belia dan Sukan Kerajaan Negeri Melaka, Yang Berbahagia Tuan P. Shanmugam A/I V. Pitchay.

11. PROGRAM BICARA INSPIRASI PSA 2023

PSA Malaysia telah menganjurkan sesi Bicara Inspirasi PSA: Sesi Perkongsian Bersama YBhg. Dato' Mohd. Azizi bin Mohd Zain pada 9 Mac 2023 yang dilaksanakan secara hibrid iaitu bersemuka di Dewan Serbaguna JANM Aras 7 dan secara maya melalui platform Airmeeet. Program ini merupakan satu platform perkongsian pengetahuan dan pengalaman dari tokoh atau individu yang dikenal pasti bertujuan untuk meningkatkan pembangunan diri akauntan sektor awam dan seterusnya memberi impak yang baik kepada profesion akauntan di Malaysia. Seramai 166 peserta telah mengikuti sesi perkongsian pengalaman dari YBhg. Dato' Mohd. Azizi bin Mohd Zain yang merupakan akauntan pertama yang pernah dilantik menjawat jawatan Datuk Bandar Petaling Jaya, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Selayang dan Ketua Pegawai Eksekutif PKNS.

12. CIPFA PUBLIC FINANCE LIVE 2023

Seramai 45 delegasi Malaysia termasuk 4 orang urus setia daripada PSA Malaysia telah menghadiri CIPFA Public Finance Live 2023 yang berlangsung dari 27 sehingga 28 Jun 2023 di Queen Elizabeth II Centre, London. PSA Malaysia telah menyelaraskan penyertaan yang terdiri daripada pelbagai Kementerian, Jabatan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi untuk bersama-sama hampir 700 delegasi dari serata dunia hadir ke persidangan tahunan tersebut.

13. PROGRAM CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) BERSAMA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM TAHUN 2023, UITM SARAWAK

Program CSR Bersama IPTA Tahun 2023 diadakan pada 11 Mei 2023 bagi memperkenalkan kerjaya sebagai Akauntan di Sektor Awam khasnya Akauntan yang dilantik di bawah Ketua Perkhidmatan Akauntan Negara Malaysia kepada mahasiswa tahun akhir program Diploma / Ijazah perakaunan di UiTM Sarawak bagi membantu mereka merancang perjalanan kerjaya mereka setelah tamat pengajian. Program ini dihadiri oleh 300 peserta melibatkan 235 orang mahasiswa dan 65 orang Pensyarah dan kakitangan pentadbiran UITM Sarawak. Seramai 20 orang Ahli PSA Zon Sarawak turut terlibat sebagai urusetia dan penceramah semasa program berlangsung. Bagi tujuan meningkatkan motivasi para mahasiswa yang hadir, program ini turut memberikan pengiktirafan kepada Pelajar Terbaik Diploma Perakaunan dan Pelajar Terbaik Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dimana hadiah disumbangkan oleh PSA Induk.

14. PROGRAM CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) BERSAMA INSTITUSI PENDIDIKAN TAHUN 2023, SMK BAU, KUCHING SARAWAK

Program CSR Bersama Institut Pendidikan Tahun 2023 diadakan pada 22 Jun 2023 di SMK Bau bagi meningkatkan motivasi dan menanam minat pelajar-pelajar aliran perakaunan di SMK Bau bagi menceburi bidang kerjaya sebagai Akauntan di Sektor Awam. Pendedahan berkenaan fungsi dan bidang tugas sebagai Akauntan Sektor Awam telah diberikan kepada seramai 300 pelajar SMK Bau. Program ini turut dihadiri para guru dan kakitangan pentadbiran sekolah SMK Bau. Seramai 20 orang Ahli PSA Zon Sarawak turut terlibat sebagai urusetia dan penceramah semasa program berlangsung. Bagi tujuan meningkatkan motivasi para mahasiswa yang hadir, program ini turut memberikan pengiktirafan kepada Pelajar Terbaik Aliran Perakaunan dimana hadiah disumbangkan oleh PSA Induk.

15. PROGRAM CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) BERSAMA INSTITUSI PENDIDIKAN TAHUN 2023, SMK MERAPOK, LAWAS SARAWAK

Program PSA ini dilaksanakan pada 11 Julai 2023 dengan memperkenalkan Fungsi Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Sarawak dan menerangkan Bidang Tugas Akauntan di

Dalam Perkhidmatan Awam kepada warga sekolah menengah terutamanya pelajar yang akan menduduki SPM pada tahun 2023 dan mengambil subjek Perakaunan. Program ini akan berjaya dilaksanakan dengan memberi pendedahan yang lebih jelas terhadap hala tuju pelajar aliran perakaunan terutamanya selepas SPM khususnya yang berkaitan dengan pengajian di universiti dan kerjaya yang melibatkan latar belakang perakaunan. Program ini dihadiri seramai 223 pelajar sekolah dan 15 orang guru SMK Merapok, Lawas. Program ini dilaksanakan dengan jayanya oleh 6 orang ahli PSA Zon Sarawak. Bagi tujuan meningkatkan motivasi para mahasiswa yang hadir, program ini turut memberikan pengiktirafan kepada Pelajar Terbaik Aliran Perakaunan dimana hadiah disumbangkan oleh PSA Induk.

16. PROGRAM PEMBINAAN UKHWAH INSANIAH MADANI (PPUIM), JANM

PSA juga telah menghantar wakil ke PPUIM yang diadakan pada 15 dan 16 Julai 2023 di IPN Sabak Bernam sebagai tanda sokongan kepada program-program anjuran JANM. Seramai 10 orang Ahli Majlis dan keluarga telah menyertai program ini. PSA turut memberikan sumbangan sebanyak RM8,000 bagi menjayakan program ini.

17. LAWATAN KEBAJIKAN

PSA telah menziarahi mantan Akauntan Negara Malaysia, Allahyarhamah Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman yang telah menghembus nafas terakhir di Institut Kanser Negara pada 24 Julai 2023. Semoga rohnya dicucuri rahmat Allah swt dan ditempatkan bersama para solihin. Lawatan Biro Kebajikan dan Sosial juga telah melawat En Burhanuddin, Pengarah JANM Negeri Pahang yang telah dimasukkan ke Hospital Sedang pada 26 Julai 2023. Sumbangan kebajikan PSA telah disampaikan kepada beliau.

18. KEJOHANAN BOWLING PIALA AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (ANM)

Kejohanan Bowling Piala ANM anjuran PERPENA dengan kerjasama PSA, PERBAKTI dan Bank Islam telah diadakan pada 11 Mac 2023 di Ampang Superbowl Bangi, Bangi Gateway, Selangor. PSA telah menghantar enam (6) pasukan bagi menyertai kejohanan tersebut iaitu pasukan ARMY, 4 Rangers, PSA 2, RM2N, Kasa Berbisa dan LLC. Pasukan ARMY dan 4 Rangers masing-masing

mendapat tempat ke-2 dan ke-4 manakala En Yuhasnan dari pasukan ARMY telah dinobatkan sebagai Best Bowler Lelaki. PSA turut memberikan sumbangan sebanyak RM3,600 bagi menjayakan kejohanan ini.

19. KURSUS BAHASA PUJANGGA

Kursus Bahasa Pujangga telah diadakan pada 31 Mac 2023 bertujuan untuk membantu peserta mempelajari tatacara penggunaan bahasa pujangga dalam pengucapan awal selain memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan bagi urusan rasmi dalam perkhidmatan awam seperti yang terkandung di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2020. Kursus ini disampaikan oleh Puan Ahtijah binti Sulaiman seorang Personel MYSTEP berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Pengajian Melayu Universiti Malaya dan kini berkhidmat di JANM Negeri Selangor. Kursus yang diadakan secara hybrid di JANM Negeri Selangor ini telah dihadiri seramai 88 orang peserta iaitu 35 orang secara bersemuka dan 53 orang peserta secara atas talian yang terdiri daripada Ahli Majlis PSA, Ahli PSA Zon Tengah dan warga JANM Negeri Selangor. Kos perbelanjaan bagi kursus ini adalah sebanyak RM1,000 merangkumi bayaran elaun penceramah, makan dan minum serta cenderahati kepada penceramah dan peserta. Antara input yang diperoleh oleh peserta sepanjang kursus adalah proses lengkap penyediaan dokumen rasmi bermula dari peringkat pra penulisan, penulisan dan pasca penulisan. Peserta didedahkan dengan tatacara dan teknik menyediakan surat rasmi, memo, teks ucapan dan penulisan emel yang merupakan instrumen utama dalam proses komunikasi dalam organisasi. Sebagai kesimpulan, kemahiran penyediaan dokumen rasmi pengurusan yang berkesan adalah kemahiran penting bukan sahaja bagi pegawai sokongan bahkan pegawai di peringkat atasan juga. Kemahiran ini wajar dikuasai oleh semua bagi menjamin kecekapan proses kerja, penjimatan masa dan tenaga, serta memberi kesan kepada reputasi dan imej profesional organisasi.

20. KURSUS ASAS PENGENALAN KEPADA SUKAN GOLF DI AKADEMI KEMAHIRAN BELIA GOLF (AKBG) DAN KELAB GOLF PERKHIDMATAN AWAM (KGPA)

Kursus Asas Pengenalan Kepada Sukan Golf ini telah diadakan pada 3 Ogos 2023 bertujuan memupuk minat dalam kalangan Akauntan di sector awam terhadap sukan golf. Selain itu, kursus ini juga menggalakkan para Akauntan untuk terlibat secara aktif dalam sukan golf setara dengan

Pegawai Pengurusan dan Profesional dalam skim perkhidmatan yang lain. Kursus ini telah dilaksanakan di dua lokasi iaitu di Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG), Bukit Kiara dan Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA), Bukit Kiara. Terdapat lima slot latihan yang telah dilaksanakan seperti pengenalan asas golf, swing practice menggunakan simulator, Aktiviti Putting, latihan di driving range dan latihan di green. Selain itu, dua pertandingan mini telah dijalankan dan empat peserta terbaik telah dipilih bagi kategori pemain terbaik di green dan putter terbaik. Kursus ini telah dihadiri oleh sembilan belas (19) peserta yang terdiri daripada Ahli Majlis PSA dan Ahli PSA di JANM Negeri Selangor, JANM Negeri Perak, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan Hospital Tengku Ampuan Jemaah. Semua aktiviti dan latihan pula dikendalikan oleh empat orang tenaga pengajar daripada AKBG. Kos keseluruhan kursus adalah sebanyak RM3,965.00 yang merangkumi perbelanjaan yuran tenaga pengajar, makan dan minum, sewaan driving range dan cenderamata peserta. Kursus ini telah meningkatkan kemahiran para peserta bukan sahaja tentang teknik asas permainan golf tetapi ia juga membentuk perwatakan dan sahsiah seseorang untuk sentiasa berkelakuan jujur di padang golf serta meningkatkan kesihatan fizikal dan mental pemain.



Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia
The Association of Public Sector Accountants, Malaysia

**PENYATA KEWANGAN BAGI TEMPOH
BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

LAPORAN EKSEKUTIF

Bagi tempoh berakhir 31 Disember 2023, Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) telah mencatatkan lebih perbelanjaan berbanding pendapatan berjumlah RM17,917.60. Secara keseluruhannya, jumlah pendapatan PSA menurun dengan ketara daripada RM1,505,852.50 pada tahun 2022 kepada RM1,293,719.99 pada tahun 2023, iaitu penurunan sebanyak 14%.

Sebahagian besar penurunan ini adalah disebabkan oleh ketiadaan sumber pendapatan daripada aktiviti dan program utama PSA seperti Persidangan Akauntan Sektor Awam Malaysia (NAPSAC), Persidangan World Congress of Accountants (WCOA), MPSAS Insights dan Pertandingan Tenpin Bowling. Walaupun terdapat program Persidangan CIPFA Public Finance Live di London, United Kingdom dan Persidangan SAGA Agensi Kerajaan 2023 (SEGAC) yang telah dianjurkan pada tahun 2023, lebih pendapatan daripada program ini masih tidak dapat menampung perbelanjaan aktiviti lain sepanjang tahun 2023.

Pada 31 Disember 2023, nilai aset keseluruhan PSA telah meningkat sebanyak RM15,767.38 iaitu daripada RM2,265,180.86 pada tahun 2022 kepada RM2,280,948.24 pada tahun 2023. Jumlah pelaburan tetap PSA pada tahun 2023 tiada perubahan seperti tahun 2022 iaitu RM1,900,000.00. Namun begitu, terdapat sedikit penurunan keuntungan pelaburan yang telah direkodkan iaitu dari RM47,177.48 berbanding RM46,974.04 pada tahun 2022.

Seterusnya, prestasi terimaan yuran keahlian PSA masih kurang memberangsangkan yang menyebabkan berlaku peningkatan jumlah yuran belum terima iaitu sebanyak RM159,462.00 pada tahun 2023 berbanding RM144,177.00 pada tahun 2022. Sebagai inisiatif untuk meningkatkan prestasi kutipan yuran keahlian, PSA sentiasa berusaha memastikan penyata baki yuran di Portal PSA sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa bagi memudahkan ahli menyemak baki yuran dan membuat penyelesaian tunggakan.

Aliran tunai keluar yang digunakan bagi menampung aktiviti operasi bagi tahun 2023 adalah melebihi daripada aliran tunai masuk dan sekaligus mencatatkan pengurangan tunai sebanyak RM45,700.51. Hanya aliran tunai bagi aktiviti pelaburan sahaja mencatatkan aliran positif iaitu sebanyak RM52,484.97. Kedudukan tunai PSA masih berada pada tahap yang stabil dan berupaya menyelesaikan komitmen penting seperti bayaran perbelanjaan program yang melibatkan jumlah yang besar. Pada tahun 2023 terdapat liabiliti dicatatkan oleh PSA iaitu sebanyak RM33,684.98 yang terdiri daripada pembayaran komitmen PSA, perbelanjaan penganjuran program belum bayar pada tahun 2023 dan pendahuluan bayaran yuran tahunan dari ahli PSA.

Selaras dengan peningkatan aktiviti dan program yang dianjurkan oleh PSA, perbelanjaan operasi PSA turut meningkat dengan signifikan daripada RM1,135,100.65 pada 2022 kepada RM1,310,247.71 pada 2023, iaitu peningkatan sebanyak 15% dalam tempoh setahun. Perbelanjaan operasi merangkumi bayaran yuran program, kos penginapan, sewaan premis, kos makan dan minum, cenderamata peserta, belanja perjalanan dan lain-lain. Secara keseluruhan, perbelanjaan operasi tertinggi bagi tahun 2023 adalah belanja sewaan premis dan kos penginapan program.

Jumlah ekuiti terkumpul PSA juga telah berkurang sebanyak 1% pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 iaitu RM2,265,180.86 pada tahun 2022 kepada RM2,247,263.26 pada tahun 2023. Pengurangan ini menandakan bahawa PSA perlu lebih berusaha memastikan perbelanjaan berada pada tahap optimum bagi mengekalkan kedudukan kewangan PSA yang stabil dan mampan serta dapat memberi nilai tambah kepada ahli pada masa hadapan.

RINGKASAN PENYATA 2023


1. KEDUDUKAN KEWANGAN



2. PRESTASI KEWANGAN



3. ALIRAN TUNAI



LAPORAN WAKIL PENGURUSAN

Kami, **Ayub bin Zaidin** dan **Hifzul Hafiz bin Amran**, yang masing-masing merupakan Presiden dan Bendahari Kehormat, **Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA)**, dengan ini menyatakan, Ahli Majlis berpendapat bahawa penyata kewangan yang disertakan telah dilaporkan dengan benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan **PSA** pada **31 Disember 2023**.

Bagi pihak pengurusan;

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Ayub bin Zaidin', written in a cursive style.

AYUB BIN ZAIDIN, C.A.(M)

Presiden

Tarikh: 4 OKTOBER 2024

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Hifzul Hafiz bin Amran', written in a cursive style.

HIFZUL HAFIZ BIN AMRAN, C.A.(M)

Bendahari Kehormat

Tarikh: 4 OKTOBER 2024

LAPORAN JURUAUDIT

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) bagi tahun kewangan berakhir pada **31 Disember 2023** bersama-sama baucar urusanniaga, penyata bank, jurnal urusanniaga dan rekod-rekod perakaunan yang berkaitan. Satu ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting dan nota-nota kepada penyata kewangan seperti yang dibentangkan pada muka surat **6** hingga muka surat **18**.

Pada pendapat saya Penyata Kewangan yang terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Kedudukan Rizab Terkumpul, Penyata Aliran Tunai dan Nota Kepada Akaun memberikan gambaran sebenar dan saksama terhadap kedudukan kewangan persatuan bagi tahun berakhir **31 Disember 2023** dan rekod perakaunan telah diselenggara dengan teratur dan dikemaskini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Aliff Haikal Bin Kamaruddin'.

ALIFF HAIKAL BIN KAMARUDDIN, C.A.(M)

Juruaudit

Tarikh: 4 Oktober 2024

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

seperti pada 31 Disember 2023

	Nota	2023 RM	2022 RM
Aset			
Aset Semasa			
Pelaburan Tetap	2	1,900,000.00	1,900,000.00
Yuran Tahunan Belum Terima	3	159,462.00	144,177.00
Keuntungan Pelaburan Belum Terima	4a	13,886.58	25,362.95
Belanja Terdahulu/ Prabayar	5	1,057.18	-
Pendahuluan dan Lain-Lain Belum Terima		-	1,400.00
Tunai dan Baki Di Bank	6	201,025.37	194,240.91
Jumlah Aset Semasa		2,275,431.13	2,265,180.86
Aset Bukan Semasa			
Peralatan	7	5,517.11	-
Jumlah Aset Bukan Semasa		5,517.11	-
Jumlah Aset		2,280,948.24	2,265,180.86
Tolak:			
Liabiliti Semasa			
Belanja Terakru	8	10,365.75	-
Akaun Belum Bayar	9	22,225.23	-
Yuran Keahlian Terdahulu	10	1,094.00	-
Jumlah Liabiliti Semasa		33,684.98	-
Aset Bersih		2,247,263.26	2,265,180.86
Aset Bersih/Ekuiti			
Pendapatan Tertahan (Kurangan)/Lebihan Semasa		2,265,180.86 (17,917.60)	1,896,932.01 368,248.85
Jumlah Aset Bersih/Ekuiti		2,247,263.26	2,265,180.86

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

bagi tempoh berakhir 31 Disember 2023

	Nota	2023 RM	2022 RM
Yuran Keahlian dan Pendaftaran Ahli	11	30,175.00	30,683.00
Pendapatan Program - Yuran peserta	12	1,157,637.39	1,320,755.81
Pendapatan Program - Yuran R/Strategik	13	29,000.00	-
Pendapatan Program - Perkhidmatan	14	12,500.00	97,050.00
Pendapatan Operasi		1,229,312.39	1,448,488.81
Keuntungan Pelaburan	5b	46,974.04	47,177.48
Hibah Simpanan		233.56	242.56
Lain-Lain Pendapatan	15	17,200.00	9,943.65
Pendapatan Lain		57,273.69	56,018.67
Jumlah Pendapatan		1,293,719.99	1,505,852.50
Tolak :			
Makanan dan Minuman	16	22,682.60	95,205.62
Sewaan Premis Program	17	502,791.60	291,497.00
Elaun Penceramah	18	12,500.00	35,400.00
Belanja Perjalanan	19	120,220.20	131,515.89
Cenderamata Program	20	143,430.64	98,676.80
Sumbangan dan Pemberian	21	24,331.23	15,900.00
Belanja Utiliti		99.00	138.00
Sumbangan Program Zon	22	37,091.00	27,016.40
Belanja Multimedia	23	11,600.00	20,333.20
Belanja Elaun	24	21,050.00	27,990.00
Belanja Selenggara Website		1,800.00	4,994.21
Bayaran Langganan		736.57	35,555.46
Percetakan, Pos dan Alatulis	25	16,537.40	11,516.65
Caj ePerolehan		-	3,313.68
Belanja Persembahan	26	10,755.36	26,679.59
Belanja Penginapan	27	197,771.96	113,826.64
Bayaran Yuran Program	28	156,085.85	187,161.51
Belanja Program		20,000.00	-
Belanja Pelbagai		471.80	-
Belanja Cetakan Baju Program	29	10,292.50	8,380.00
Perbelanjaan Operasi		1,310,247.71	1,135,100.65
Hapuskira	30	-	960.00
Caj Bank		591.70	243.00
Susut Nilai		681.89	-

PENYATA PRESTASI KEWANGAN *(Sambungan)*

bagi tempoh berakhir 31 Disember 2023

	Nota	2023 RM	2022 RM
Insurans		116.29	
Lain-Lain Perbelanjaan		-	1,300.00
Perbelanjaan Lain		1,389.88	2,503.00
Jumlah Perbelanjaan		1,311,637.59	1,137,603.65
(Kurangan)/ Lebihan Tahun Semasa		(17,917.60)	368,248.85

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

bagi tempoh berakhir 31 Disember 2023

	RM
Pada 1 Januari 2022	1,896,932.01
Lebihan Bagi Tahun Kewangan 2022	368,248.85
Pada 31 Disember 2022 1 Januari 2023	2,265,180.86
Lebihan/ (Kurangan) Bagi Tahun Kewangan 2023	(17,917.60)
Pada 31 Disember 2023	2,247,263.26

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tempoh berakhir 31 Disember 2023

	Nota	2023 RM	2022 RM
Aliran Tunai dari Aktiviti Operasi			
Terimaan Pendaftaran dan Yuran Dari Ahli PSA		15,984.00	15,302.00
Terimaan dari Program Anjuran PSA		1,199,137.39	1,424,838.34
Pembayaran ke atas Program dan Operasi PSA		(1,260,821.90)	(1,133,479.97)
Tunai dihasilkan daripada aktiviti operasi		(45,700.51)	306,660.37
Aliran tunai dari aktiviti pelaburan			
Aset Tetap (Kos)		(6,199.00)	
Pelaburan Tetap		-	(250,000.00)
Keuntungan Pelaburan Tetap	5b	58,450.41	41,438.64
Hibah Simpanan		233.56	-
Tunai Dihasilkan Daripada Aktiviti Pelaburan		52,484.97	(208,561.36)
Pertambahan (Pengurangan) Tunai		6,784.46	98,268.01
Tunai dan Setara Tunai Awal		194,240.91	95,972.90
Tunai dan Setara Tunai Pada Akhir Tahun Kewangan		201,025.37	194,240.91
Analisis Tunai dan Setara Tunai			
Tunai Ditangan		-	-
Tunai Dibank		201,025.37	194,240.91
		201,025.37	194,240.91

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. Dasar Perakaunan

- a. Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) telah merekod transaksi akaun menurut kelaziman Kos Sejarah.
- b. Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan berasaskan kepada asas akruan.
- c. Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) telah membuat pengubahsuaian bentuk pembentangan laporan kewangan persatuan mulai tahun 2022 bagi membolehkan pendedahan maklumat yang lebih jelas dan menyeluruh.

2. Pelaburan Tetap		2023	2022
	Nota	RM	RM
Pada Awal Tahun Kewangan		1,900,000.00	1,650,000.00
Pelaburan Tahun Semasa		1,000,000.00	600,000.00
Keuntungan Tersalah Rekod		-	-
Dicairkan Tahun Semasa		(1,000,000.00)	(350,000.00)
		1,900,000.00	1,900,000.00

3. Yuran Tahunan Belum Terima		2023	2022
	Nota	RM	RM
Pada Awal Tahun Kewangan		144,177.00	128,875.00
Pelarasan Yuran Terdahulu	10	689.00	-
Yuran Tahunan Semasa	11	30,175.00	28,660.00
Terimaan Yuran Tahun Semasa		(2,695.00)	(13,358.00)
Terimaan Yuran Tunggakan		(12,884.00)	-
Hapuskira	30	-	-
		159,462.00	144,177.00

4. 4a. Keuntungan Pelaburan Belum Terima		2023	2022
	Nota	RM	RM
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad		11,950.14	18,912.95
Affin Islamic Berhad		-	6,450.00
Bank Islam		1,936.44	-
		13,886.58	25,362.95

* PSA memperoleh kadar keuntungan antara 3.80% hingga 4.10% mengikut tempoh pelaburan dibuat

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*Sambungan*)

4b. Keuntungan Pelaburan Tetap		2023	2022
	Nota	RM	RM
Terimaan Tahun Semasa		58,450.41	41,438.64
Keuntungan Pelaburan Belum Terima		13,886.58	25,362.95
Tolak: Keuntungan Pelaburan Awal Tahun Kewangan		(25,362.95)	(19,624.11)
		46,974.04	47,177.48
5. Belanja Terdahulu/ Prabayar		2023	2022
	Nota	RM	RM
Langganan Portal PSA		479.71	-
Langganan Prezi PSA		34.76	-
Insurans Terdahulu		542.71	-
		1,057.18	-
6. Tunai dan Baki Dibank		2023	2022
	Nota	RM	RM
Affin Islamic Berhad		169,247.24	187,940.91
Bank Islam		31,778.13	6,300.00
		201,025.37	194,240.91
7. Peralatan		2023	2022
	Nota	RM	RM
Kos Pada Awal Tahun Kewangan		-	-
Perolehan Semasa		6,199.00	-
- <i>Susutnilai Berkumpul</i>		(681.89)	-
		5,517.11	-
8. Belanja Terakru		2023	2022
	Nota	RM	RM
Program AGM PSA 2023		5,490.00	-
Program <i>Retreat</i> PSA 2023		250.00	-
Program Bicara Inspirasi PSA		4,025.75	-
Belanja Operasi dan Pentadbiran		600.00	-
		10,365.75	-

9. Akaun Belum Bayar		2023	2022
Nota		RM	RM
	Kelab Kebajikan dan Rekreasi BKP	20,000.00	-
	Akaun Amanah Institut Perakaunan Negara	445.23	-
	Dr Ahmad Shukri Bin Abdul Gani	1,780.00	-
		22,225.23	-
10. Yuran Keahlian Terdahulu		2023	2022
Nota		RM	RM
	Pelarasan Yuran Terdahulu Tahun Sebelum	689.00	-
4	Yuran Terdahulu Tahun Semasa	405.00	-
		1,094.00	-
11. Yuran Keahlian dan Pendaftaran Ahli		2023	2022
Nota		RM	RM
	Yuran Tahunan Ahli	28,800.00	28,570.00
	Pendaftaran Ahli	1,375.00	2,113.00
		30,175.00	30,683.00
12. Pendapatan Program - Yuran Peserta		2023	2022
Nota		RM	RM
	Persidangan CIPFA	477,744.00	504,335.80
	Persidangan NAPSAC	-	738,620.00
	Persidangan WCOA	-	76,000.00
	Program <i>Outdoor - Bowling</i>	-	1,800.01
	Persidangan SEGAC	679,893.39	-
		1,157,637.39	1,320,755.81
13. Pendapatan Program - R/Strategik		2023	2022
Nota		RM	RM
	Persidangan SEGAC	24,000.00	-
	Program <i>Bicara Inspirasi PSA</i>	5,000.00	-
		29,000.00	-

14. Pendapatan Program - Perkhidmatan	Nota	2023 RM	2022 RM
Persidangan NAPSAC		-	77,550.00
Program <i>outdoor - bowling</i>		-	10,500.00
Program MPSAS <i>Insights Online</i>		-	9,000.00
Persidangan SEGAC		12,500.00	-
		12,500.00	97,050.00
<hr/>			
15. Lain-Lain Pendapatan	Nota	2023 RM	2022 RM
Jualan Cenderamata PSA		1,200.00	765.00
Hasil Sewaan Airmeet		-	8,188.65
Lain-Lain Sumbangan		16,000.00	990.00
		17,200.00	9,943.65
<hr/>			
16. Makanan dan Minuman	Nota	2023 RM	2022 RM
Persidangan CIPFA		8,439.00	43,575.80
Program <i>Retreat</i> PSA		-	20,168.00
Persidangan WCOA		-	11,661.68
Majlis Apresiasi PSA		-	7,950.00
Mesyuarat Agung Tahunan		5,670.00	5,127.10
Belanja Operasi dan Pentadbiran		649.85	2,000.14
Program MPSAS <i>Insights Online</i>		-	1,728.00
Program Keterampilan		-	1,500.00
Program <i>Outdoor - Bowling</i>		360.00	1,494.90
Persidangan SEGAC		3,538.00	-
Program Bicara Inspirasi PSA		4,025.75	-
		22,682.60	95,205.62
<hr/>			
17. Sewaan Premis Program	Nota	2023 RM	2022 RM
Persidangan NAPSAC		-	286,827.00
Program <i>Outdoor - Bowling</i>		-	4,670.00
Persidangan SEGAC		472,896.60	-
Bengkel Pemantapan Skim Akauntan		29,895.00	-
		502,791.60	291,497.00

18. Elaun Penceramah	Nota	2023 RM	2022 RM
Persidangan NAPSAC		-	27,100.00
Program MPSAS <i>Insights Online</i>		-	5,000.00
Program Keterampilan		-	3,300.00
Persidangan SEGAC		11,500.00	-
Program Bicara Inspirasi PSA		1,000.00	-
		12,500.00	35,400.00
<hr/>			
19. Belanja Perjalanan	Nota	2023 RM	2022 RM
Persidangan CIPFA		74,708.62	76,253.73
Persidangan WCOA		(2,546.00)	44,193.36
Program Retreat PSA		25,247.72	7,800.00
Mesyuarat Agung Tahunan		4,671.72	2,468.27
Program Zon Sarawak		-	425.10
Program Keterampilan		-	375.43
Persidangan SEGAC		11,712.40	-
Program Tanggungjawab Korporat		1,005.88	-
Bengkel Pemantapan Skim Akauntan Sektor Awam dan Apresiasi PSA		5,419.86	-
		120,220.20	131,515.89
<hr/>			
20. Cenderamata Program	Nota	2023 RM	2022 RM
Persidangan NAPSAC		-	30,892.40
Pemberian Cenderamata dan Hadiah		-	27,900.00
Program <i>Outdoor - Bowling</i>		-	23,766.00
Mesyuarat Agung Tahunan		19,607.40	10,500.00
Persidangan CIPFA		2,821.64	2,750.00
Program Tanggungjawab Korporat		-	2,000.00
Majlis Apresiasi PSA		956.60	868.40
Persidangan SEGAC		120,045.00	-
		143,430.64	98,676.80

21. Sumbangan dan Pemberian		2023	2022
	Nota	RM	RM
Program Tanggungjawab Korporat		445.23	15,000.00
Belanja Operasi dan Pentadbiran		2,126.00	900.00
Subsidi Baju Korporat		1,760.00	-
Sumbangan Program		20,000.00	-
		24,331.23	15,900.00
22. Sumbangan Program Zon		2023	2022
	Nota	RM	RM
Program Zon Sarawak		16,807.50	9,496.00
Program Zon Timur		-	8,095.00
Program Zon Sabah		5,318.50	8,081.40
Program Zon Tengah		6,965.00	1,344.00
Program Zon Utara		-	-
Program Zon Selatan		8,000.00	-
		37,091.00	27,016.40
23. Belanja Multimedia		2023	2022
	Nota	RM	RM
Persidangan NAPSAC		-	17,500.00
Program MPSAS Insights Online		-	2,833.20
Persidangan SEGAC		11,600.00	-
		11,600.00	20,333.20
24. Belanja Elaun		2023	2022
	Nota	RM	RM
Persidangan NAPSAC		-	11,900.00
Persidangan CIPFA		-	7,440.00
Program MPSAS <i>Insights Online</i>		-	5,450.00
Belanja Operasi dan Pentadbiran		3,600.00	3,200.00
Persidangan SEGAC		14,500.00	-
Program Bicara Inspirasi PSA		1,050.00	-
Mesyuarat Agung Tahunan		300.00	-
Persaraan Ahli Majlis		1,600.00	-
		21,050.00	27,990.00

25. Percetakan, Pos dan Alatulis		2023	2022
	Nota	RM	RM
Persidangan NAPSAC		-	9,352.25
Persidangan CIPFA		260.00	1,435.00
Belanja Operasi dan Pentadbiran		1,441.10	451.40
Persidangan WCOA		-	278.00
Persidangan SEGAC		14,836.30	-
		16,537.40	11,516.65
26. Belanja Persembahan		2023	2022
	Nota	RM	RM
Persidangan NAPSAC		-	26,679.59
Persidangan SEGAC		10,755.36	-
		10,755.36	26,679.59
27. Belanja Penginapan		2023	2022
	Nota	RM	RM
Persidangan CIPFA		152,127.96	93,585.64
Persidangan WCOA		-	20,241.00
Program Retreat PSA		45,644.00	-
		197,771.96	113,826.64
28. Bayaran Yuran Program		2023	2022
	Nota	RM	RM
Persidangan CIPFA		153,985.85	159,845.10
Persidangan WCOA		-	27,316.41
Program <i>Outdoor - Bowling</i>		2,100.00	-
		156,085.85	187,161.51
29. Belanja Cetakan Baju Program		2023	2022
	Nota	RM	RM
Program <i>Outdoor - Bowling</i>		3,600.00	8,380.00
Persidangan SEGAC		6,692.50	-
		10,292.50	8,380.00

30. Hapuskira

	Nota	2023 RM	2022 RM
Inventori		-	960.00
Yuran Ahli Belum Terima		-	-
		-	960.00

LAPORAN TABUNG PELAJARAN PSA

Pentadbir Tabung Pelajaran PSA yang telah dibuat lanjutan pelantikan oleh Majlis PSA sehingga 31 Disember 2023 iaitu seperti berikut:

Pengerusi	: Tuan Hj Nasran bin Omar
Timbalan Pengerusi	: Puan Faziyatun binti Mohamed Yahya
Setiausaha	: Puan Noraida binti Alias
Bendahari	: Encik Fazli bin Mohamad Khairuddi

Bagi tujuan urusan penutupan dan pembubaran Tabung Pelajaran PSA, pelanjutan jawatan berdasarkan tempoh yang diberikan kepada Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari sahaja. Tabung PSA mulai 1 Oktober 1985 telah mendapat pengecualian Sub-Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan kerana menerima sumbangan dan menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan dan kebajikan ahli PSA. Namun demikian pada 15 Mac 2018, pengecualian telah ditarik balik kerana Tabung tidak menjalankan aktiviti termaktub di dalam Undang-undang kecil Tabung.

SENARAI PENCALONAN SEBAGAI AHLI MAJLIS

BIL	NAMA AHLI	NOMBOR AHLI PSA
1	Ahmad Jawad Bin Abdul Karim	1626
2.	Gloria Angela James Noah	402
3.	Muhammad Yusri Bin Abd Majid	1043
4.	Murniyati Binti Ramli	1112
5.	Normalina Binti Ramli	727
6.	Rajendran A/L Arjunan	1666
7.	Rasdi Bin Ali Napiah	732
8.	Ruzinah Binti Rukun	350
9.	Susie Ambin	1497
10.	Tajudin Bin Ahmad	1164